

**PENTERNAK IKAN JAYA
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2012**



Nama : **Encik Hanim bin Hj. Raduan**

Alamat (R) : No. 39, Batu 25, Kg. Sg. Pening
Jalan Sungai Ladang, 43500 Semenyih, Selangor

Alamat (L) : Sri Haneco Industrial Park
Jalan Kachau, 43500 Semenyih, Selangor

Umur : 43 tahun

No. K.P : 690203-10-5277

No. Tel : 012-2347665

Jenis Bidang Usaha : Penternakan Ikan Air Tawar Dalam Kolam

LATAR BELAKANG

- ❖ En. Hanim bin Hj. Raduan merupakan anak jati negeri Selangor dan mempunyai lima orang anak bersama Pn. Basira binti Salleh. Sebelum menceburi bidang akuakultur, beliau memegang jawatan sebagai Pembantu Tadbir di Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun pada tahun 1998, beliau meletak jawatan kerana sangat berminat dalam bidang pertanian. Beliau pernah mengusahakan tanaman durian seluas hampir 15 hektar di Kg. Sg. Jelok pada tahun 1999. Selepas itu pada tahun 2000, beliau mengusahakan tanaman getah bersebelahan tanaman durian.
- ❖ Di samping bidang pertanian, beliau juga mengikuti kursus Penternakan Ikan Air Tawar pada tahun 1987 dan Pemprosesan Makanan Berasaskan Ikan pada tahun 1998 anjuran Jabatan Perikanan Malaysia. Ilmu yang diperolehinya dimanfaatkan dengan menceburi bidang akuakultur. Sehubungan itu, En. Hanim telah membeli kawasan seluas 21.44 hektar di Sri Haneco Industrial Park, Jalan Kachau, Semenyih, Selangor untuk mengusahakan ternakan ikan tilapia merah dalam kolam serta pembenihan dan asuhan ikan air tawar. Pada masa yang sama, aktiviti pertanian lain seperti penternakan kambing yang dimulakan pada tahun 2010 turut diusahakan di samping aktiviti bukan pertanian lain seperti mengusahakan perniagaan restoran (2010), kilang makanan kambing (2012) dan kraf (2012) yang menjana pendapatan lebih baik.

AKTIVITI EKONOMI

- ❖ Aktiviti akuakultur dimulakan dengan modal sebanyak RM500,000 untuk membina empat buah kolam pada tahun 2011.

- ❖ Setelah kedudukan kewangannya stabil dan pusingan modal yang lebih meyakinkan, kini beliau mempunyai 16 buah kolam bersaiz di antara 0.56 – 1.88 hektar setiap buah yang melibatkan kawasan seluas 14.42 hektar. Ini termasuk kolam pancing, takungan dan rawatan dengan kos pelaburan sebanyak RM1.6 juta.
- ❖ Bagi menghadapi harga pasaran ikan tilapia yang tidak menentu, beliau mempelbagaikan spesies ternakan dengan menternak ikan kap rumput, kap kepala besar, haruan, baung, jelawat dan lampam jawa. Kini enam (6) buah kolam diternak dengan tilapia merah, dua (2) buah untuk ternakan rohu, dua (2) buah untuk ternakan polikultur dan tiga (3) buah kolam dibuka kepada orang ramai untuk memancing ikan secara berbayar.
- ❖ En. Hanim memasarkan hasil ternakan beliau secara insitu iaitu pelanggan datang sendiri ke ladangnya. Restoran dan kolam pancingnya juga berhampiran antara satu sama lain yang senang dikunjungi orang ramai.
- ❖ Secara purata, ladang akuakultur En. Hanim mampu menghasilkan 29 tan ikan air tawar sebulan iaitu 348 tan metrik setahun dengan pendapatan kasar sebanyak RM435,000.00. Selain itu pendapatan kasar dari kolam pancing adalah sebanyak RM480,000.00 setahun manakala dari Restoran sebanyak RM600,000.00 setahun.
- ❖ Ternakan ikan air tawar diberi makanan rumusan yang kaya dengan kandungan protein bagi menjamin kualiti dan zat selain makanan tambahan seperti jagung dan soya.
- ❖ En. Hanim mempunyai dua buah lori dengan muatan 1 tan dan 3 tan bagi pengangkutan dalam ladang dan pemasaran hasil. Beliau mempunyai satu set peralatan untuk pemeriksaan kualiti air, lima utas jala, dua buah generator berkuasa diesel, enam buah tangki bermuatan 1 tan, sebuah alat penimbang, 12 buah mesin pemotong rumput, enam buah chainsaw, empat buah pam racun, lima buah pam air (elektrik), dua buah pam air (petrol), stor makanan, stor racun dan stor peralatan kerja bagi kegunaan dalam ladang ternakan beliau. Kawasan projeknya juga dilengkapi dengan kemudahan jalan ladang, bekalan elektrik dan dikelilingi dengan pokok kelapa, mangga dan buluh yang berfungsi sebagai lanskap.

INOVASI / TEKNOLOGI / AMALAN AKUAKULTUR BAIK

- ❖ Ladang ternakan En. Hanim telah diakreditasi dengan Sijil Amalan Akuakultur Baik (SAAB)
- ❖ Menggunakan pelet untuk makanan ternakan
- ❖ Membina saluran air masuk dan keluar yang berbeza
- ❖ Reka bentuk kolam dibina sesuai untuk penuaian hasil
- ❖ Tuaian dijalankan secara berperingkat dan hasil dikumpulkan di dalam *holding tank* yang dilengkapi dengan *blower*
- ❖ Setiap kolam dibina paip yang ditanam untuk membuang lumpur jika kolam berbau
- ❖ Memasukkan batang buluh ke dalam kolam (jika perlu) untuk mengawal kualiti air
- ❖ Membina kolam takungan dan rawatan yang dimasukkan ikan sebagai penunjuk (*indicator*) bagi memastikan punca air ke kolam tidak dicemari dan air buangan dirawat sebelum dialirkan ke perairan umum
- ❖ Membina stor-stor yang berasingan untuk menyimpan makanan, peralatan dan bahan kimia

AKTIVITI SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN

- ❖ Mempunyai dua peserta *contract farming*.
- ❖ Dilantik sebagai Naib Presiden Kelab Rekreasi Tekala.
- ❖ Menjadi AJK Penternak Ruminan Daerah Hulu Langat.
- ❖ Menjadi AJK Unit Dakwah dan Saudara Baharu.

PERANCANGAN MASA DEPAN

- ❖ En. Hanim mahu memperbesarkan lagi projek pembenihan ikan air tawar di Kg. Orang Asli, Kachau dengan menambah bilangan kolam sedia ada.
- ❖ Bercadang untuk memperluaskan lagi rangkaian pemasaran ikan air tawar ke bandar-bandar utama di seluruh Malaysia dan Singapura.
- ❖ Membuat sendiri pellet makanan ternakan ikan air tawar
- ❖ Membangunkan chalet di kawasan yang dikhaskan
- ❖ Membuka cawangan restoran baru di Bandar Bangi 2